*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 16 Oktober 2019

1. 700 ayam Jantan rentung; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☑ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAITS TIMES | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN : Lokal** | **Muka Surat** 14 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☑ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☐ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

**TARIKH**

**16.10.2019**

# 700 ayam jantan rentung



REBAN menempatkan ayam jantan terbakar di di Masjid Tanah, malam semalam.

**Alor Gajah:** Sebanyak 700 ayam jantan rentung selepas reban ternakan itu musnah dalam kebakaran di Masjid Tanah di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 9 malam, pasukan bomba mengambil masa dua jam setengah memadam reban binaan batu dan zink bersaiz 122 x15 meter itu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Masjid Tanah, Penolong Penguasa Bomba Mohamad Hamizan Mohd Husin berkata, kejadian itu bagaimanapun tidak membabitkan kemalangan jiwa.

Katanya, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 9.15 malam dan dua jentera bersama sebuah van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dan lori tangki air digerakkan ke lokasi bersama kekuatan 18 pegawai dan anggota.

**6,000 ayam baru dikeluarkan minggu lalu**

"Ketika kejadian, reban berkenaan menempatkan 700 ayam manakala 6,000 ayam baru dikeluarkan minggu lalu," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat awal, kebakaran berpunca daripada bahagian tengah sebelum merebak ke seluruh reban.

"Tindakan pantas pasukan bomba mengawal kebakaran daripada merebak ke lima lagi reban bersebelahan walaupun berdepan kesukaran kerana kekurangan sumber air," katanya.